

18 APRIL 2013

Pasangan syabu

Oleh ZULHILMI JALIL

zulhilmi.jalil@kosmo.com.my



WAN ABDULLAH menunjukkan syabu yang dirampas daripada sepasang kekasih dan lapan yang lain pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR – Kegiatan haram pasangan kekasih yang juga pelajar di sebuah kolej swasta mencari pendapatan tambahan dengan mengedar dadah terbongkar apabila mereka diberkas bersama syabu bernilai RM130,000 di sebuah apartmen di Jalan Aman di sini Ahad lalu.

Difahamkan, pasangan warga Nigeria dan Madagascar masing-masing berusia 26 serta 23 tahun itu mampu memperoleh RM30,000 untuk setiap transaksi yang dilakukan. Setakat ini mereka telah mengedar sebanyak tiga kali kepada penagih di sekitar ibu negara.

Turut ditahan di apartmen tersebut ialah lima lelaki tempatan dan tiga wanita berusia antara 23 hingga 40 tahun yang disyaki sedang melakukan urusan jual beli. Dua daripadanya merupakan wanita Vietnam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Wan Abdullah Ishak berkata, kesemua suspek diberkas pada pukul 5 petang selepas pihaknya melakukan risikan dan pemantauan terhadap aktiviti mereka.